

**KENYATAAN MEDIA**  
*Untuk edaran segera*

**TEMPAT PENDAKIAN TERBAIK BAGI PENCINTA  
ALAM SEMULAJADI**

***Terokai Khazanah Berharga di Negeri Selangor***

*“Perjalanan seribu batu bermula dengan hanya satu langkah”*. Keseronokan dan ketenangan dapat di rasai pada masa yang sama apabila kita dikelilingi dengan alam semulajadi. Untuk mencari ketenangan minda dan jiwa, kadang kala kita perlu melarikan diri dari kesibukan bandar. Sememangnya menjadi satu kepuasan apabila memulakan pendakian dari titik permulaan sehingga ke puncak. Disini disenaraikan 5 tempat pendakian terbaik di **Negeri Selangor**.

**1) Bukit Gasing**

Bukit Gasing terletak di Jalan Gasing, Petaling Jaya. Bukit ini mempunyai keunikan tersendiri di mana ia di kelilingi oleh kawasan dengan kepadatan penduduk yang cukup ramai. Bukit Gasing sangat digemari kumpulan pendaki bukit mahupun gunung kerana ia salah satu daripada *“Green lungs”* di Petaling jaya. Di Bukit Gasing terdapat pelbagai laluan untuk mandaki mengikut kesesuaian tahap tenaga dan kecergasan anda. Setiap laluan akan membawa anda ke jambatan gantung, menara pengawal dan juga kuil Hindu. Titik tertinggi di Bukit Gasing adalah kira-kira 160 meter. Pada hari minggu, Bukit Gasing agak sesak dengan pengujung. Hal ini mungkin kerana tiada bayaran dan permit dikenakan bagi sesiapa yang ingin mendaki Bukit Gasing.

**2) Bukit Broga**

Bukit Broga adalah salah satu tempat terbaik untuk melihat keindahan matahari terbit dan juga matahari terbenam. Bukit ini adalah satu-satunya yang di kelilingi dengan rumput lalang dan bukan pepohon. Oleh itu, anda dapat melihat keindahan panorama yang sangat memukau dari puncak Bukit Broga. Bukit Broga terletak tidak jauh dari pusat bandar dimana anda boleh mengeluarkan peluh, menghirup udara segar, dan menikmati alam sekitar di sini. Pendakian ke puncak Bukit Broga adalah sangat mudah bagi mereka yang baru sahaja menjinakkan diri dalam aktiviti pendakian. Terdapat juga gerai yang menjual air kelapa yang menyegarkan sebelum anda

menyambung pendakian ke puncak Bukit Broga. Bayaran masuk adalah sebanyak RM 1 seorang, namun tiada bayaran dikenakan bagi parkir kereta.

### 3) Forest Research Institut Malaysia (FRIM)

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merupakan salah satu daripada hutan hujan tropika yang tertua dan terbesar, dan juga merupakan sebuah institusi terkemuka dalam penyelidikan perhutanan tropika di dunia. FRIM menawarkan pengalaman alam semula jadi kepada anda dan merupakan tempat terletaknya mayat Orang Asli dari zaman dahulu. Di FRIM juga anda boleh belajar tentang alam semula jadi dan ia adalah sebuah tempat yang sangat sesuai untuk mendaki dengan seisi keluarga mahupun rakan-rakan. Jika anda ingin berkunjung ke FRIM, anda memerlukan pemandu pelancong untuk menemani pendakian anda. *Canopy Walkway* adalah salah satu tempat yang wajib di kunjungi dengan pembelian tiket masuk di kaunter cenderamata yang terletak di bangunan yang sama dengan kaunter informasi. Tiket masuk bagi dewasa adalah RM 5 seorang, dan RM 1 untuk kanak-kanak. FRIM dibuka setiap hari kecuali hari Isnin dan Jumaat dari 9.30 pagi hingga 2.30 petang.

### 4) Bukit Saga

Bukit Saga terletak di daerah Ampang / Cheras Kuala Lumpur, Selangor. Bukit ini disarankan kepada sesiapa yang baru berjinak dalam aktiviti pendakian. Terdapat 3 laluan yang dipanggil A, B, dan C. Buat masa ini, laluan B ditutup kepada orang ramai kerana terdapatnya pembinaan yang sedang dijalankan manakala laluan A dan C dibuka seperti biasa. Laluan di Bukit Saga masih di jaga dengan baik dan ia mempunyai tali penanda di sepanjang laluan. Untuk lebih mencabar, anda boleh mendaki ke air terjun Bukit Saga dan ia adalah salah satu air terjun yang indah untuk di nikmati. Di sana terdapat sebuah kawasan yang luas di mana anda dapat melihat sebuah papan tanda yang besar, tempat tidur gantung, dan kawasan memasak sementara. Ia adalah tempat yang sempurna untuk mencari ketenangan dan mengisi masa santai bersama keluarga dan rakan-rakan.

Cari kami di :

## 5) Bukit Kutu

Bukit Kutu yang juga dikenali sebagai Treacher's Hill pernah menjadi pusat penjajah suatu ketika dahulu. Sisa-sisa bangunan tersebut masih berada di lokasi yang sama. Pemandangan indah seperti panorama awan, lembah dan Gunung Titiwangsa jelas kelihatan dari puncak Bukit Kutu. Untuk ke Bukit Kutu, anda perlu melalui perkampungan Orang Asli di Kampung Pertak. Ia mengambil masa kira-kira 3-4 jam untuk mendaki ke puncak Bukit Kutu. Bukit Kutu adalah salah satu tempat yang terkenal untuk berkelah, dan anda memerlukan permit untuk memasuki kawasan Bukit Kutu dengan harga RM 5 seorang.

Aktiviti pendakian di Negeri Selangor telah menjadi salah satu aktiviti yang digemari ramai. Semasa melakukan aktiviti pendakian, anda dapat menikmati panorama yang menakjubkan sepanjang perjalanan ke puncak. Selangor adalah salah satu Negeri yang menekankan segmentasi pelancongan eko. Sebagai pengunjung, anda seharusnya memelihara alam semula jadi dengan tidak membuang sampah merata-rata. Generasi masa hadapan mempunyai hak ke atas warisan semula jadi. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara sumber semula jadi demi kepentingan masa kini.

*Untuk informasi lanjut, layari laman sesawang rasmi Tourism Selangor di **Selangor.Travel**.*

**-TAMAT-**

### **Tentang Tourism Selangor**

*Tourism Selangor adalah cabang pelancongan Kerajaan Negeri yang ditubuhkan untuk meningkatkan bilangan pelancong tempatan dan antarabangsa ke Negeri Selangor dengan membangunkan keindahan dan keunikan tersendiri Negeri. Banyak inisiatif telah diambil untuk mencapai matlamat ini seperti menganjurkan kempen di peringkat domestik dan antarabangsa, mengadakan misi perdagangan pelancongan yang dilakukan di luar negara, melancarkan misi jelajah dan kembara, dan banyak lagi.*

---

**Dihasilkan oleh: Muhammad Afiq Dinie bin Nor Arzaimi**

Jabatan Komunikasi Korporat

[afiq\\_comm@tourisemselagor.my](mailto:afiq_comm@tourisemselagor.my)

**Cari kami di :**

***Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:***

**Siti Norfadila binti Ab Wahab**

Eksekutif Komunikasi Korporat

No. Telefon: +6016- 2076957

E-mel: [fadila@tourismselangor.my](mailto:fadila@tourismselangor.my)

**Ahmad Nazri Tashriq bin Rahmat**

Pengurus Komunikasi Korporat

No. Telefon: +6016- 2076951


E-mel: [nazri@tourismselangor.my](mailto:nazri@tourismselangor.my)

**Laman Web Rasmi:** [www.selangor.travel](http://www.selangor.travel)

**Cari kami di :**

**Lampiran**

**Gasing hill**



Diambil oleh fahmid5s


**Broga hill**



Diambil oleh says

**Find us on :**

**FRIM**



Diambil oleh kualalumpurws


**Find us on :**

**Saga hill**



Diambil oleh tounguechic

**Bukit kutu**



Diambil oleh Aliff ja

**Find us on :**